

Perkara 149 bincang isu subversif

Kuasa khas menentang keganasan terancang diperuntuk bawah hal ini

Shamrahayu

A Aziz



MINGGU lalu saya menyebut beberapa perkara berkaitan ketenteraman dan kemakmuran negara dengan cara mengimbangi antara hak asasi dan ketenteraman awam berikutan pengumuman pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) oleh Perdana Menteri. Seperti janji saya dalam tulisan berkenaan, saya ingin berkongsi dengan pembaca mengenai Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan untuk kita sama-sama membaca dan memberi perhatian.

Perlu disebut terlebih dulu bahawa Perkara 149 ini diletakkan bersama dengan Perkara 150 di dalam Bahagian Kesebelas Perlembagaan Persekutuan. Bahagian ini meletakkan sejumlah peruntukan berkaitan 'Kuasa khas menentang perbuatan subversif, keganasan terancang, perbuatan dan jenayah yang memudaratkan orang awam dari kuasa darurat.' Kuasa khas berkaitan darurat ialah di bawah Perkara 150 dan ia adalah terasing daripada Perkara 149 walaupun kedua-duanya berada di dalam bahagian sama. Oleh itu, undang-undang berkaitan subversif, tindakan yang memudaratkan dan ketenteraman awam adalah di bawah Perkara 149, manakala Perkara berkaitan proklamasi darurat serta undang-undang berkaitan darurat adalah di bawah Perkara 150.

Bagi manfaat pembaca yang belum berpeluang melihat peruntukan di bawah Perkara 149, saya petik semuanya di bawah: "Perkara 149. Perundangan menentang perbuatan subversif, tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam dan sebagainya.

1) Jika sesuatu Akta Parlimen menyebut bahawa tindakan telah diambil atau diancam oleh mana-

mana kumpulan besar orang, sama ada di dalam atau di luar Persekutuan –

(a) untuk menyebabkan keganasan terancang terhadap orang atau harta, atau untuk menyebabkan sebilangan besar warga negara takut akan keganasan itu; atau (b) untuk membangkitkan perasaan tidak setia terhadap Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana Kerajaan di dalam Persekutuan; atau (c) untuk menggalakkan perasaan niat jahat dan perrusuhan antara kaum yang berlainan atau golongan penduduk yang berlainan yang mungkin menyebabkan keganasan; atau (d) untuk mendapatkan perubahan, selain dengan cara yang sah, apa-apa jua yang ditetapkan melalui undang-undang; atau (e) yang memudaratkan penyenggaran atau perjalanan apa-apa bekalan atau perkhidmatan kepada orang awam atau mana-mana golongan orang awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya; atau (f) yang memudaratkan ketenteraman awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, atau yang memudaratkan keselamatannya, maka

apa-apa peruntukan undang-undang itu yang bermaksud untuk memberhentikan atau mencegah tindakan itu adalah sah walaupun peruntukan itu tidak selaras dengan mana-mana peruntukan Perkara 5, 9, 10 atau 13, atau walaupun, jika tidak kerana Perkara ini, peruntukan itu akan terkeluar daripada kuasa perundangan Parlimen; dan Perkara 79 tidaklah terpakai bagi Rang Undang-Undang untuk sesuatu Akta yang sedemikian atau bagi apa-apa pindaan kepada sesuatu Rang Undang-Undang yang sedemikian.

(2) Sesuatu undang-undang yang mengandungi sebutan seperti yang disebut dalam Fasal (1), jika tidak terlebih dulu dimansuhkan, hendaklah terhenti berkuat kuasa jika ketetapan diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen yang mengungkapkan undang-undang itu, tetapi tanpa menjelaskan apa-apa jua yang dilakukan sebelum itu menurut kuasa undang-undang itu atau tanpa menjelaskan kuasa Parlimen untuk membuat suatu undang-undang baru di bawah Perkara ini."

Daripada peruntukan yang di

Undang-undang berkaitan subversif, tindakan memudaratkan dan ketenteraman awam adalah di bawah Perkara 149, manakala Perkara berkaitan prokla-masi darurat serta undang-undang berkaitan darurat adalah di bawah Perkara 150

Sekiranya ada pihak mencadangkan membuat perincian mengenai 'subversif' saya yakin, ia adalah sesuatu yang sukar untuk dilakukan dalam bentuk peruntukan undang-undang kerana ini akan menyempitkan ruang yang telah disediakan

atas, adalah jelas bahawa, apa yang dikategorikan sebagai aktiviti subversif, keganasan terancang, dan jenayah yang memudaratkan orang ramai adalah perkara yang disebut di dalam Fasal (1) perenggan (a) hingga (f).

Saya tidak mau mengulas panjang mengenai apa yang sebenarnya adalah subversif atau keganasan terancang kerana ia sudah tentu bergantung kepada keadaan dan fakta yang dipertikaikan. Sekiranya ada pihak yang mempertikaikan sama ada sesuatu keadaan atau fakta itu sebagai bukan subversif, kita harus merujuk kepada mahkamah bagi diberikan kepastian. Oleh itu, apa yang penting dalam keadaan ini ialah, keupayaan pihak berkuasa dalam membuktikan bahawa sesuatu keadaan atau fakta itu adalah termasuk ke dalam salah satu daripada perenggan (a) hingga (f) tadi.

Namun, sekiranya ada pihak yang mencadangkan supaya kita membuat perincian mengenai 'subversif' atau 'keganasan terancang' saya yakin, ia adalah sesuatu yang sukar untuk dilakukan dalam bentuk peruntukan undang-undang kerana ini akan menyempitkan ruang yang telah disediakan oleh peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Malah, peruntukan undang-undang itu berkemungkinan tidak dapat mengambil manfaat daripada peruntukan Perlembagaan yang agak lebar dan meluas.

Setelah berpeluang melihat dan mengkaji peruntukan yang disediakan dalam Perlembagaan Persekutuan berkaitan undang-undang subversif (seperti ISA) atau undang-undang yang akan menggantikannya (setelah ISA dimansuhkan), adalah menjadi harapan saya semoga pembaca dapat menilai sendiri dengan jelas dan dengan hati yang terbuka.

Penulis ialah Profesor Madya Kuliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)